



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament Building in Kuala Lumpur serves as the background for the central text area. The building is a tall, modern structure with a grid-like facade. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is overlaid on the building.

RANG UNDANG-UNDANG
Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988
DR.29/1988

D.R. 29/88

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988.

Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Kesatuan Sekerja 1959, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 262.

(a) dengan memasukkan, sebelum sahaja takrif “employee” dalam subseksyen (1), takrif yang berikut:

“Director General for Industrial Relations” means Director General as appointed under section 2A (1) of the Industrial Relations Act 1967;’;

Act 177.

(b) dengan memotong perkataan-perkataan “or employers” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “being workmen” dalam takrif “trade union” dalam subseksyen (1);

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “, or between workmen and workmen, or between employers and employers” yang

terdapat dalam perenggan (c) (i) dalam takrif “trade union” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “for the purposes of promoting good industrial relations between workmen and employers, improving the working conditions of workmen or enhancing their economic and social status, or increasing productivity”;

- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (c) (i) takrif “trade union” dalam subseksyen (1), perenggan (c) (ia) yang berikut:

“(ia) the regulation of relations between workmen and workmen, or between employers and employers;”; dan

- (e) dengan memotong angka-angka “15 (2), 26 (1A),” dalam subseksyen (2).

Pindaan
am.

3. Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Registrar of Trade Unions” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “Director General of Trade Unions”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Deputy Registrar of Trade Unions” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “Deputy Director General of Trade Unions”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Senior Assistant Registrar of Trade Unions” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “Director of Trade Unions”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Assistant Registrar of Trade Unions” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “Assistant Director of Trade Unions”;

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Trade Unions Registration Officer" di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan "Trade Unions Officer"; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan "Registrar" di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan "Director General".

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut: Pindaan seksyen 12.

"(2) The Director General may refuse to register a trade union in respect of a particular trade, occupation or industry if he is satisfied that there is in existence a trade union representing the workmen in that particular trade, occupation or industry and it is not in the interest of the workmen concerned that there be another trade union in respect thereof."

5. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut: Pindaan seksyen 15.

"(2) Where two or more registered trade unions exist in a particular trade, occupation, industry or place of employment, as the case may be, the Director General may, if he is satisfied that it is in the interest of the workmen in that trade, occupation, industry or place of employment so to do—

- (a) cancel the certificate of registration of the trade union or trade unions other than the trade union which has the largest number of workmen in the said trade, occupation, industry or place of employment as its members; or
- (b) issue an order requiring the trade union or trade unions other than the trade union which has the largest number of workmen in the said trade, occupation, industry or place of employment as its members to remove

from the membership register those members as are employed in that trade, occupation, industry or place of employment and thereafter the trade union or trade unions so ordered shall not enrol as members workmen in that trade, occupation, industry or place of employment except with the permission in writing of the Director General; an order under this paragraph shall have full force and effect notwithstanding any provision of the rules of the trade union concerned.”.

Pindaan
seksyen 26.

6. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen (1A) baru yang berikut:

“(1A) No person shall join, or be a member of, or be accepted or retained as a member by, any trade union if he is not employed or engaged in any trade, occupation or industry in respect of which the trade union is registered.”;

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1A), subseksyen baru (1B) yang berikut:

“(1B) For the purpose of subsection (1A), any person who is employed by a trade union as a member of its executive under paragraph (a) of the proviso to section 29 (1) shall be deemed to be employed or engaged in the trade, occupation or industry concerned.”; dan

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

“(3) Where a trade union of workmen has served a claim for recognition under the Industrial Relations Act 1967, the Director General may, at the request of the Director

General for Industrial Relations, carry out a membership check in such manner as may be prescribed by regulations in order to ascertain the percentage of workmen or any class of workmen, in respect of whom recognition is being sought, who are members of the union making the claim.”.

7. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “three years” dalam perenggan (b) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “one year”. Pindaan seksyen 28.

8. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “registered trade unions”, perkataan-perkataan “whose members are employed”. Pindaan seksyen 32.

9. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “other trade union” dalam perenggan (a) subseksyen (1), perkataan-perkataan “whose members are employed”. Pindaan seksyen 33.

10. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 38.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “or English” dalam subseksyen (3);

(b) dengan menggantikan perkataan “seven” dalam subseksyen (3) dengan perkataan “thirty”; dan

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “to contribute” dalam proviso kepada subseksyen (3), perkataan-perkataan “other than the increase of members’ subscriptions”.

11. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 40.

(a) dengan menggantikan koma bertitik di hujung perenggan (g) subseksyen (1) dengan noktah;

(b) dengan memotong perenggan (h) subseksyen (1); dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen (4) baru yang berikut:

“(4) In carrying out any secret ballot, a trade union shall ensure that every member thereof has an equal right and a reasonable opportunity to record his vote freely, that the secrecy of the ballot is properly secured and that the results of the ballot are correctly ascertained.”.

Pindaan
seksyen 56.

12. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “July” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “October”;
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A), (1B) dan (1c) yang berikut:

“(1A) The general statement referred to in subsection (1) shall be verified by statutory declaration, and the union shall cause the general statement to be audited by some fit and proper person approved by the Director General:

Provided that no trade union shall cause its general statement to be audited by the same person successively for a period of more than three years.

(1B) The Director General may, if he considers it necessary, by notice in writing—

- (a) direct the attendance before him, at the place and time set out in the notice, of any person appointed to audit the general statement of a trade union for any purpose related to the audit; or
- (b) direct any trade union to cause the general statement to be further audited in such manner as he may require.

(1c) All expenses incurred in complying with any direction of the Director General under subsection (1B) shall be borne by the trade union concerned.”.

13. Seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “in section 2” yang terdapat dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “(1) other than the regulation of relations between workmen and workmen or between employers and employers, as the case may be,”. Pindaan seksyen 67.

14. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 72.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “Two or more registered trade unions”, perkataan-perkataan “in Malaysia”;
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “by secret ballot”; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “at a general meeting”, perkataan-perkataan “or a meeting of delegates, as the case may be,”.

15. Seksyen 74 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 74.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “and, from the date of such entry,” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “and thereupon”; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “member of the federation” dalam subseksyen (3), perkataan-perkataan “as from the date of acceptance of such affiliation by the federation”.

Pindaan
seksyen 76A.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 76A dengan seksyen 76A baru yang berikut:

“Restriction on the formation of or affiliation with consultative or similar bodies. 76A. (1) No trade union registered under this Act shall affiliate with, or be a member of, any consultative or similar body, by whatever name called, established outside Malaysia, except with the prior permission in writing of the Director General and subject to such conditions as he may impose:

Provided that no such permission shall be given where the Director General is satisfied—

- (a) that such body pursues or intends to pursue any of the objects specified in the definition of “trade union” in section 2 (1) other than the regulation of relations between workmen and workmen or between employers and employers, as the case may be; or
- (b) that the consent of the members of the union has not been obtained by a majority of votes taken at a general meeting or a meeting of delegates, after service on the members or delegates, as the case may be, not less than fourteen days prior to such meeting, of notice of the proposed resolution to affiliate with, or be a member of, such consultative or similar body.

(2) (a) A registered trade union may form with any other registered trade union, affiliate with, or be a member of, any consultative or similar body, by whatever name called, established within Malaysia, that does not pursue or intend to pursue any of the objects specified in the definition of “trade union” in section 2 (1) other than the regulation of relations between workmen and workmen or between employers and employers, as the

case may be, if the consent of the members of the registered trade union has been obtained by a majority of votes taken at a general meeting or a meeting of delegates, after service on the members or delegates, as the case may be, not less than fourteen days prior to such meeting, of notice of the proposed resolution to form, affiliate with, or be a member of, such consultative or similar body.

(b) The trade union concerned shall within sixty days of the formation, affiliation or membership referred to in paragraph (a) notify the Director General in writing of such formation, affiliation or membership and such notification shall be accompanied with a statement of the particulars referred to in section 76B (2).

(3) Where any registered trade union is already affiliated with, or is a member of, any consultative or similar body, established outside or within Malaysia, under the repealed provisions of this Act immediately before the commencement of this subsection, the trade union shall be deemed to have obtained the permission of the Director General referred to in subsection (1) or to have notified the Director General as required under subsection (2), as the case may be.”.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 76c dengan seksyen 76c baru yang berikut:

Pindaan
seksyen 76c.

“Power of
Director
General
to withdraw
permission
or declare
affiliation
invalid.

76c. Where the Director General is satisfied that—

(a) any trade union which is affiliated with, or is a member of, any consultative or similar body; or

- (b) the consultative or similar body with which such trade union is affiliated, or of which it is a member,

has acted or is acting in contravention of any provision of this Act or any other written law or any condition imposed by him, he may—

- (a) in the case of a trade union to which permission has been granted under section 76A (1), withdraw such permission; or
- (b) in the case of a trade union which has given notification to the Director General under section 76A (2), declare such affiliation or membership to be invalid,

and upon such withdrawal or declaration, such trade union shall forthwith cease its affiliation with, or membership of, such consultative or similar body.”.

Pindaan
Jadual
Pertama.

18. Perenggan 9 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan koma bertitik dalam subperenggan (g) dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong subperenggan (h).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

2. *Fasal 2* bertujuan mengemukakan takrif bagi perkataan-perkataan “Director General of Industrial Relations” (“Ketua Pengarah bagi Perhubungan Perindustrian”) dan meminda takrif “trade union” yang akan, *inter alia*, menekankan peningkatan daya pengeluaran dan mempertingkatkan hubungan baik majikan-pekerja sebagai tujuan kesatuan sekerja.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda Akta supaya gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja ditukarkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Gelaran bagi pegawai-pegawai lain di bawahnya juga ditukarkan.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 12 (2) supaya kuasa Ketua Pengarah untuk menolak pendaftaran sesebuah kesatuan yang lain hanya terpakai dalam keadaan di mana sudah ada kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja dan pada pendapatnya tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada pekerja-pekerja jika sebuah kesatuan baru ditubuhkan.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 15 (2). Pindaan ini bertujuan menjadikan peruntukan perenggan (b) seksyen 15 (2) lebih munasabah dan praktikal dengan mengurangkan skop pemakaiannya supaya apabila sesuatu kesatuan sekerja diperintah oleh Ketua Pengarah untuk menyisihkan daripada daftar keanggotaannya pekerja-pekerja dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan, industri atau tempat kerja, perintah itu tidak akan menjejaskan haknya untuk mengambil sebagai anggota pekerja-pekerja dalam perdagangan, pekerjaan, industri atau tempat-tempat kerja lain yang seumpamanya.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 26 (1A) untuk menjelaskan bahawa seseorang pekerja tidak boleh menganggotai atau terus menjadi ahli sebuah kesatuan sekerja jika ia bukan digaji dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri yang ada kaitan dengan kesatuan itu. Pindaan ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menjalankan pemeriksaan keahlian ke atas kesatuan sekerja jika ada tuntutan untuk pengiktirafan oleh kesatuan itu.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 28 (1) (b) supaya pengalaman bekerja yang minimum bagi seseorang dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri, yang mana kesatuan sekerjanya adalah berkaitan bagi kelayakan untuk memegang jawatan dalam kesatuan sekerja itu dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun, atas sebab-sebab praktikal.

8. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 38 (3) supaya—

- (a) apa-apa peraturan baru atau pindaan kepada peraturan-peraturan sesuatu kesatuan mesti dibuat dalam Bahasa Kebangsaan;
- (b) tempoh masa untuk mengemukakan peraturan-peraturan baru atau pindaan-pindaan kepada Ketua Pengarah dilanjutkan dari tujuh hari kepada tiga puluh hari; dan
- (c) kenaikan yuran anggota tidak memerlukan persetujuan lebih daripada separuh anggota-anggota yang berhak untuk mengundi.

9. *Fasal 11 (b)* bertujuan memotong seksyen 40 (1) (h) dengan maksud menghapuskan keperluan mengambil undi sulit untuk membuat keputusan bagi penubuhan, atau pergabungan dengan, mana-mana persekutuan kesatuan sekerja, atau mana-mana

badan perunding atau badan-badan seumpamanya yang ditubuhkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atas sebab-sebab praktikal.

10. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 56 untuk membenarkan masa yang lebih panjang bagi kesatuan-kesatuan sekerja mengemukakan penyata-penyata tahunan kepada Ketua Pengarah. Perlanjutan tempoh tiga bulan akan menjadikan peruntukan ini lebih praktikal. Pindaan ini juga bertujuan mengadakan peruntukan-peruntukan untuk menguatkan lagi sistem audit dan kebertanggungjawapan tabung wang kesatuan sekerja.

11. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 67 (2) bagi membenarkan mana-mana organisasi pekerja atau majikan yang mempunyai di antara tujuannya, selain daripada tujuan-tujuan yang disenaraikan di bawah perenggan (c) (i), (ii), (iiA) dan (iii) takrif "trade unions", tujuan mengawalselia hubungan di antara pekerja dengan pekerja atau di antara majikan dengan majikan untuk didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pindaan ini adalah perlu memandangkan bahawa seksyen 76A (1) membenarkan pergabungan kesatuan-kesatuan dengan organisasi-organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

12. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 72 untuk—

- (a) membenarkan dengan nyata penubuhan persekutuan kesatuan-kesatuan sekerja bagi seluruh Malaysia; dan
- (b) menggantikan keperluan yang ada tentang mengambil undi sulit di mesyuarat agung untuk memutuskan persoalan mengenai penubuhan sesuatu persekutuan kesatuan sekerja dengan keperluan bahawa persoalan ini diputuskan dengan undi majoriti yang diambil dengan cara mengangkat tangan di mesyuarat agung atau di mesyuarat perwakilan.

13. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 76A supaya keperluan yang ada tentang mendapatkan kebenaran terdahulu Ketua Pengarah untuk pergabungan hanya terpakai kepada badan-badan perunding atau badan-badan seumpamanya yang ditubuhkan di luar Malaysia. Bagi pergabungan dengan badan-badan seumpama yang ditubuhkan dalam Malaysia, kesatuan hanya perlu memberitahu Ketua Pengarah mengenai pergabungan itu. Pindaan ini juga menyatakan bahawa apa-apa ketetapan untuk bergabung dengan sesebuah badan perunding hendaklah diluluskan oleh undi majoriti yang dibuat di mesyuarat agung atau di mesyuarat perwakilan memandangkan keperluan mengambil undi sulit untuk memutuskan perkara ini telah pun dihapuskan.

14. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah pindaan kecil dan semata-mata merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1397.]

